

24 SEP 1999

PBB-Calon

PEMUDA PBB MATU DARO TIDAK MAHU ABANG ABU BAKAR DICALONKAN SEMULA

KUCHING, 24 Sept (Bernama) -- Pergerakan Pemuda Parti Pesaka Bumiputra Bersatu (PBB) Kawasan Dewan Undangan Negeri Matu Daro sebulat suara memutuskan tidak mahu Menteri Pertahanan Datuk Abang Abu Bakar Mustapa dicalonkan semula bagi kawasan parlimen Kuala Rejang pada pilihan raya akan datang.

Ketuanya Ahmad Dikoh berkata keputusan itu diambil kerana Abang Abu Bakar dikatakan sudah tidak mendapat sokongan anggota parti sama ada di peringkat tempatan mahupun negeri.

"Semasa konvensyen PBB yang diadakan tahun lepas, beliau gagal mempertahankan jawatan Timbalan Presiden parti yang disandangnya sejak beberapa penggal," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Matu Daro adalah antara tiga kawasan Dewan Undangan Negeri dalam kawasan Parlimen Kuala Rejang. Kawasan lain ialah Serdeng dan Belawai.

Abang Abu Bakar sudah menjadi anggota Parlimen Kuala Rejang selama empat penggal dan dalam pilihan raya 1995 beliau mengekalkan kerusinya tanpa pertandingan.

Ahmad berkata Abang Abu Bakar gagal melaksanakan projek pembangunan di kawasan yang diwakilinya untuk meninggikan taraf sosio ekonomi masyarakat setempat, selain projek kecil luar bandar yang tidak mampu mengubah taraf hidup rakyat dalam jangka masa panjang.

"Beliau juga jarang melawat kawasannya dan amat susah untuk ditemui oleh ahli-ahli parti dan penduduk setempat sekiranya mereka ingin mengadu tentang masalah yang mereka hadapi," katanya.

Beliau berkata Abang Abu Bakar seharusnya bekerjasama dengan wakil rakyat di Dewan Undangan Negeri untuk sama-sama memajukan kawasan Kuala Rejang tetapi beliau tidak berbuat demikian.

Ahmad juga berkata berdasarkan beberapa perkembangan politik di negeri Sarawak akhir-akhir ini, ia menunjukkan Abang Abu Bakar sudah tidak dapat bekerjasama dengan pucuk pimpinan PBB yang memerintah negeri.

Beliau berkata Pemuda PBB Matu-Daro membuat keputusan itu pada mesyuarat luar biasanya 18 Sept lepas.

Katanya satu memorandum meminta Abang Abu Bakar digugurkan akan dihantar kepada Pengerusi Barisan Nasional (BN) Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan pengerusi BN Negeri Tan Sri Abdul Taib Mahmud.

-- BERNAMA

MT NMO